

**Melaka Jadi Pusat Latihan, Rujukan Pengurusan Sisa Makanan  
Bernama  
7 Februari, 2013**

MELAKA, 7 Feb (Bernama) -- Melaka akan dijadikan pusat latihan dan rujukan bagi projek pengasingan sisa makanan di negara ini ekoran hasil projek perintisnya yang berjaya mengurangkan jumlah sisa makanan, sejak dua tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Datuk Zaini Md Nor berkata dalam tempoh tersebut, sebanyak 14 program di bawah kaedah pengkomposan sisa makanan telah diusahakan dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA).

"Melalui program ini kita telah berjaya mengurangkan 30 tan sisa makanan daripada dihantar ke pusat pelupusan sampah di Krubong di sini," katanya kepada pemberita selepas perasmian seminar Menggalakkan Kecekapan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam di sini Khamis.

Katanya hasil kajian yang dijalankan mendapati 40 hingga 45 peratus sampah yang terdapat di tapak pelupusan sampah di negara ini merupakan sisa makanan organik.

Justeru, beliau berkata masyarakat perlu peka dan mengambil inisiatif dengan melaksanakan program pengkomposan sisa makanan dalam komuniti mereka agar ia dapat ditukar menjadi baja organik bagi sektor pertanian.

Katanya langkah pengkomposan sisa makanan itu juga tidak hanya tertumpu di kawasan perumahan atau dalam komuniti yang kecil namun ia juga dapat dipraktikkan di kilang, penjara dan sekolah.

Sementara itu, Mohd Ali mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan di negeri itu membeli mesin pengkomposan sisa makanan bernilai RM10,000 seunit untuk menghasilkan baja organik bagi penjagaan landskap.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926929>